




Mesej Hari ASEAN 2007



ABDULLAH AHMAD BADAWI

SAYA dengan berbesar hati ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada seluruh rakyat Malaysia dan warga ASEAN sempena ulang tahun ke-40 penubuhan blok serantau Asia Tenggara ini.

Selama empat dekad penubuhannya, ASEAN telah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai organisasi yang berdaya maju dan efektif. Kejayaan ASEAN adalah hasil kebijaksanaan dan pandangan jauh para pengasas blok serantau ini ketika awal penubuhannya dan juga kredibiliti para pemimpin negara anggota ketika ini.

Sehingga kini, ASEAN telah diiktiraf sebagai penyumbang efektif dalam usaha mencapai keamanan dan kestabilan selain pencapaian cemerlang dalam bidang pembangunan dan kemakmuran di rantau Asia Tenggara.

Bertemakan "ASEAN Sebagai Tunjang Asia Yang Dinamik" sempena ulang tahun penubuhan ke-40 ini, ia diharap dapat mencerminkan pencapaian membanggakan ASEAN selama ini.

ia juga sekali gus membuktikan peranan penting yang dimainkan oleh ASEAN dalam pembangunan rantau ini.

Jika diimbas kembali, ASEAN telah berdepan dengan pelbagai cabaran sejak penubuhannya empat dekad lalu. Namun, kita berjaya menanganinya dan bersama mencapai pelbagai kemajuan.

ASEAN kini muncul sebagai sebuah organisasi yang kukuh dan bersatu. Negara-negara anggota memperoleh pelbagai manfaat hasil kerjasama serantau.

Hubungan ASEAN dengan negara-negara lain serta organisasi glo-

bal juga diperkukuhkan melalui dialog-dialog kerjasama termasuk menerusi Dialog ASEAN + 3, Forum Serantau ASEAN (ARF) dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS).

Dalam konteks ini, Malaysia berbesar hati diberi peluang menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Asia Timur pada tahun 2005.

Langkah untuk mewujudkan piagam ASEAN yang kini sedang diusahakan, merupakan satu lagi perkembangan penting kepada blok serantau ini.

Saya yakin, apabila piagam itu berjaya dibentuk dan dikuatkuasakan, ia bakal mempercepatkan proses integrasi ASEAN terutama ke arah merealisasikan masyarakat ASEAN menjelang 2015.

Sambutan ulang tahun ASEAN ke-40 ini adalah penting kerana ASEAN meningkatkan kerjasama

serantau untuk memanfaatkan penduduknya.

Warga ASEAN termasuk rakyat Malaysia mesti terus menyokong ASEAN dan mendukung matlamat mewujudkan Masyarakat ASEAN yang dinamik, bersepadu dan mempunyai tahap integrasi yang tinggi.

ia akan membolehkan kita menyumbang ke arah kualiti hidup yang baik dan persekitaran rantau yang aman dan stabil. Kita juga perlu memastikan pelbagai usaha dijalankan untuk membangunkan modal insan dengan menarik lebih ramai golongan muda di kalangan negara-negara ASEAN.

Kerajaan Malaysia akan terus menyokong usaha mencapai semua objektif ini.

Saya berharap selepas ASEAN menjadi satu komuniti berkesan, semua warga ASEAN perlu mem-

bangunkan semangat cintakan ASEAN.

Dengan menyemai kesedaran ASEAN ini, ia akan mewujudkan masyarakat penyayang di mana warganya akan hidup dalam suasana harmoni dan aman. Marilah kita pada hari bertuah ini memperbaharui semangat perjuangan untuk mencapai objektif bersama.

DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI Perdana Menteri Malaysia

HARI ini kita merayakan detik bersejarah ulang tahun ke-40 penubuhan ASEAN. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat kepada semua warga ASEAN. Tema 'Satu ASEAN di Hati Asia yang Dinamik' sesuai menggambarkan peranan ASEAN dan sumbangannya dalam memastikan keamanan dan kestabilan rantau di samping mengekalkan asas kepada kedinamian ekonomi serta pembangunan dan kemajuan berterusan.

ASEAN mencapai usia ini sejak penubuhannya pada 1967. Saya pernah berkata tentangnya pada Kemuncak Informal ASEAN Kedua (juga dikenali sebagai Kemuncak Peringatan Ulang Tahun ASEAN Ke-30) di Kuala Lumpur pada 1997, para pemimpin ASEAN menandatangani Wawasan 2020 ASEAN yang mana membayangkan penubuhan Komuniti ASEAN pada tahun 2020.

Namun, pada Januari 2007, ketika berlangsungnya Kemuncak ASEAN Ke-12 di Cebu, para pemimpin ASEAN bersetuju untuk mempercepatkan penubuhan Komuniti ASEAN lima tahun lebih awal iaitu 2015. Kewujudan komuniti itu berdasarkan kerjasama politik, ekonomi dan sosio-budaya antara negara anggota. Hingga kini, ASEAN sedang memperhebatkan kerjasama serantau dalam semua peringkat melalui Program Tindakan Vientiane dan Pelan Tindakan untuk mencapai Komuniti Keselamatan dan Politik, Komuniti Ekonomi serta Komuniti



SYED HAMID ALBAR

Kebudayaan ASEAN.

ASEAN kini mengambil satu langkah bersejarah ke depan dengan keputusan mewujudkan piagam ASEAN. Saya percaya dalam hal ini, ASEAN akan berupaya meletakkan dirinya berhadapan dengan pelbagai cabaran di samping mengambil kelebihan daripada peluang yang ditawarkan oleh integrasi rantau. Piagam ASEAN akan membantu menyegerakan integrasi ASEAN dan melakur nilai serta prinsip ASEAN dengan objektif negara-negara anggota untuk memenuhi aspirasi penduduk rantau ini.

Untuk menjadikan langkah ASEAN lebih hebat, ia menjadi keperluan negara anggota ASEAN

untuk menyediakan rantau ini bukan hanya dengan personaliti yang sah, tetapi penduduk dengan satu matlamat yang sama dan sebulat suara. Negara anggota ASEAN, termasuk Malaysia, perlu menggalakkan penglibatan menyeluruh rakyatnya dalam program pembentukan komuniti rantau, terutama yang melibatkan belia. Perasaan 'kita' perlu wujud dalam setiap individu untuk melahirkan sifat kepunyaan kepada komuniti ASEAN. Malaysia kekal komited kepada ASEAN serta prinsip dan objektifnya.

Akhir kata, izinkan saya untuk melahirkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada sesiapa sahaja yang menjayakan sisipan Hari ASEAN ini. Saya yakin bahawa dengan sokongan dan kerjasama mereka yang berterusan, usaha kerajaan dalam mempromosikan kesedaran tinggi dan membawa ASEAN dekat dengan rakyat.

DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Minister of Foreign Affairs
Malaysia

DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Menteri Hal Ehwal
Luar Negara

SELEPAS wujud selama empat dekad, ASEAN boleh dibanggakan jika dilihat dari rekod kejayaan kerjasama serantau-nya. Namun yang lebih penting ketika ASEAN akan menyambut ulang tahun ke-40 penubuhannya bulan ini, inilah waktu yang paling dinantikan dan sangat mengujakan terutamanya matlamat kita untuk menjadi satu komuniti menjelang 2015.

Hubungan bersepadu ASEAN akan memberi faedah kepada kita semua di Asia Tenggara. Beberapa tahun kebelakangan ini, kerjasama ASEAN merentasi semua aktiviti yang melibatkan atau memberi kesan untuk meningkatkan kehidupan seharian penduduk rantau ini. Ini termasuk inisiatif untuk mewujudkan pelancongan bebas visa antara negara ASEAN, rangkaian pengangkutan selesa antara bandar-bandar rantau ini, mengurangkan kos urusan niaga perniagaan antara sempadan, menyelaras kualiti makanan dan peraturan keselamatan serta memastikan tindak balas pantas kecemasan dalam menyampaikan maklumat berhubung penyakit dan bencana alam. Dan terdapat banyak lagi inisiatif untuk difikirkan melalui Program Tindakan Vientiane.

Para pemimpin ASEAN percaya Komuniti ASEAN yang



ONG KENG YONG

kuat adalah jalan untuk memastikan masa depan rantau ini. Pemimpin secara jelas sedar bahawa asas yang kuat dalam kerjasama dan perasaan saling menghormati akan membantu mengekalkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Mereka melihat fungsi ASEAN sebagai pasaran tunggal dan pusat pengeluaran mampu untuk bersaing di peringkat global. Mereka membayangkan satu rangkaian ASEAN yang mana akan meliputi pelbagai bangsa sebagai sebahagian daripada komuniti yang berkongsi dan menjaga antara satu sama lain.

Kita mempunyai komuniti ASEAN yang kuat apabila kita semua berfikir mengenai satu ASEAN dan semua sumbangan ke arah usaha membangunkan komuniti ASEAN. Ketika negara-negara ahli bekerja bersama untuk menghasilkan kekuatan satu sama lain, kerajaan dan rakyat bekerja membentuk perhubungan yang kukuh untuk impian masa depan bersama di samping keamanan dan kemajuan. Ia hanya wujud apabila apabila kita menjadi satu ASEAN, bahawa rantau ini boleh bersaing secara kompetitif dan relevan dalam hal ehwal antarabangsa dan benar-benar menjelmakan aspirasi di sebalik tema ulang tahun ke-40 ASEAN "Satu ASEAN di Hati Asia yang Dinamik."

ONG KENG YONG
Setiausaha Agung
ASEAN



Oleh WAN NORAZAH WAN CHIK

DALAM meniti kedewasaan, ASEAN kini boleh terseenyum lebar dengan termeterainya persetujuan bagi pembentukan sebuah piagam yang bakal membawa blok serantau ini ke era lebih dinamik.

Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN di Manila pada 29 Julai hingga 2 Ogos lalu ternyata bukan satu pertemuan kosong atau klise semata-mata. Pertemuan itu pertemuan berisi.

Isu penting yang menjadi tumpuan ketika Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) itu ialah apabila perwakilan dari 10 negara blok serantau ini mencapai konsensus dalam beberapa isu yang menjadi pertikaian untuk dimasukkan ke dalam draf Piagam ASEAN.

Paling penting ialah persetujuan untuk memasukkan peruntukan mengenai penubuhan badan hak asasi rantau ini ke dalam draf

Isu penting yang menjadi tumpuan ketika Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) itu ialah apabila perwakilan dari 10 negara blok serantau ini mencapai konsensus dalam beberapa isu yang menjadi pertikaian untuk dimasukkan ke dalam draf piagam ASEAN.

akhir piagam berkenaan.

Konsensus yang dicapai pada 30 Julai lalu menyaksikan berakhirnya pertikaian berhubung isu pembentukan sebuah badan hak asasi manusia pada peringkat ASEAN dan draf itu bakal dibawa ke perbincangan para pemimpin negara anggota sewaktu sidang kemuncak di Singapura, November nanti.

Keputusan untuk membentuk badan tersebut dicapai sebulat suara oleh semua negara anggota ASEAN termasuk Myanmar yang sebelum ini tidak selesa dengan idea berkenaan.

"Walaupun isu itu pada mulanya dijangka menjadi duri dan tidak dapat diselesaikan di peringkat pegawai, akhirnya Menteri-Menteri Luar berjaya mencapai konsensus membenarkan penubuhannya.

"Bila dan bagaimana ia akan ditubuhkan akan difikirkan kelak apabila semua negara sudah bersedia namun perkara paling penting ketika ini ialah kita berjaya memasukkannya ke dalam draf akhir piagam ASEAN tersebut," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berhak untuk berasa be-

gitu gembira kerana isu penubuhan badan hak asasi itu sebelum ini diramal tidak akan mencapai konsensus kerana tentangan beberapa negara khususnya Myanmar.

Namun perkara sebaliknya berlaku kerana Myanmar pada mesyuarat berkenaan membuka mulut dengan meminta semua negara anggota menubuhkan badan hak asasi di peringkat negara masing-masing.

Harapan

Idea Myanmar itu secara tidak langsung memberi harapan baru bahawa isu hak asasi di negara itu khususnya mengenai penahanan pemimpin pembangkang, Aung San Suu Kyi, lambat-laun akan diselesaikan.

Konsensus di kalangan Menteri-Menteri Luar itu juga dilihat mampu membuatkan anggota Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi (HLTF) yang dipertanggungjawabkan untuk merangka draf berke-

naan, menarik nafas lega.

HLTF sebelum ini jalan buntu apabila enam perkara utama tidak dapat diselesaikan, termasuklah isu penubuhan badan hak asasi tersebut.

Namun keajaiban yang mungkin disuntik oleh semangat setia kawan dan kerjasama di antara negara anggota akhirnya menyaksikan para Menteri Luar berjaya mencapai persetujuan bersama hanya selepas dua pertemuan iaitu ketika majlis makan malam tidak rasmi pada malam 29 Julai dan sesi *retreat* keesokannya.

Mungkin juga tema AMM ke-40 iaitu "Sebuah Komuniti Prihatin dan Bermuafakat" di Pusat Konvensyen Antarabangsa Filipina (PICC) di sini menjadi pendorong kepada konsensus yang dicapai oleh AMM itu.

Selain isu hak asasi, para Menteri Luar turut bersetuju meneruskan amalan ASEAN iaitu membuat sesuatu keputusan berdasarkan konsensus iaitu bermula di

peringkat menteri dan membawanya ke sidang kemuncak apabila gagal mencapai muafakat.

Sidang itu juga menyaksikan persetujuan dicapai berhubung isu tidak membenarkan penggunaan mana-mana negara ASEAN oleh negara-negara lain bagi tujuan mengancam keamanan serta keselamatan negara ASEAN yang lain.

Peruntukan itu menyatakan bahawa anggota ASEAN tidak boleh membenarkan mana-mana wilayahnya digunakan oleh negara lain untuk mengancam negara-negara jiran di dalam ASEAN sama ada dari segi keselamatan, politik, ekonomi atau apa sahaja ancaman.

Apa yang dicapai itu bakal membuka lembaran sejarah baru kepada blok serantau Asia Tenggara yang meraikan ulang tahun ke-40 hari ini.

Akhirnya, hasrat para pemimpin ASEAN untuk menyaksikan blok ini menjadi satu blok berprestij seperti Kesatuan Eropah (EU) bakal menjadi kenyataan.



Mempromosi amalan ke arah kerjasama keselamatan

Oleh M. C. ABAD JR.
[Pengarah Unit ARF, Sekretariat ASEAN]

SASTERAWAN hubungan antarabangsa, Alexander Wendt pernah menulis bahawa "anarki (huru-hara) adalah mengikut tafsiran sesebuah negara".

Ini bermakna, jika sesebuah negara menganggap sistem antarabangsa sebagai sebuah domain strategik untuk persaingan kuasa, pengaruh dan kebendaan, maka perang dan perlumbaan senjata akan menjadi satu ciri kekal politik global.

Berakhirnya Perang Dingin dan resolusi proksi atau perang wilayah-wilayah telah mencipta satu peluang bersejarah untuk mencabar apa yang dikenali sebagai 'realisme' dalam perhubungan antarabangsa.

Ini merupakan apa yang dilakukannya Pertubuhan Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada 1994 apabila ia memulakan penubuhan Forum Serantau ASEAN (ARF).

Hampir satu setengah dekad kemudian, ARF kini berfungsi sebagai mekanisme utama untuk keselamatan serantau melibatkan 27 ahli berdedikasi ke arah mempromosikan keamanan dan keselamatan melalui dialog dan kerjasama di benua Asia Pasifik.

Semua kuasa utama dan ahli tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mempunyai wakil di dalam ARF.

ASEAN kekal sebagai peneraju di dalam institusi utama itu

tanpa perbandingan lain dalam sejarah benua ini.

Ahli semasa ARF termasuk Australia, Bangladesh, Brunei Darussalam, Kemboja, Kanada, China, Republik Demokratik Korea, Kesatuan Eropah, India, Indonesia, Jepun, Laos, Malaysia, Mongolia, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Republik Korea, Rusia, Singapura, Sri Lanka, Thailand, Timor Leste, Vietnam dan Amerika Syarikat.

ARF wujud di atas tanggapan bahawa sebuah komuniti keselamatan boleh diwujudkan di peringkat antarabangsa; bahawa institusi dan proses antarabangsa boleh mendefinisi semula atau mengubah kepentingan nasional; bahawa tekanan rakan (negara lain) boleh mempengaruhi atau menjaga tindakan sesebuah negara; dan bahawa dialog serta peningkatan keyakinan diri dapat membawa kepada kerjasama dan persetujuan berpanjangan.

Ini adalah tanggapan yang disokong oleh beberapa mekanisme melibatkan diplomat, pegawai pertahanan, pakar dan individu terbilang bersama pakar keselamatan bukan kerajaan.

Semua mekanisme ini termasuk perjumpaan menteri ARF tahunan, perjumpaan pegawai pertahanan, persidangan polisi keselamatan, perjumpaan ketua kolej-kolej pertahanan, bengkel pakar-pakar, seminar pelbagai isu keselamatan tradisional dan bukan tradisional serta jenayah antarabangsa, dan jaringan pemikir

strategik utama Asia Pasifik.

Ini juga satu tanggapan berasaskan kefahaman bersama bahawa ketahanan perkembangan sosial dan ekonomi memerlukan persekitaran yang selamat dan stabil; bahawa isu keselamatan baru (tradisional atau tidak) memerlukan kerjasama antarabangsa; dan bahawa mempromosikan keselamatan melibatkan faktor sosial, ekonomi, politik, kemanusiaan dan faktor lain yang perlu diberi perhatian pada masa sama, selalunya melalui pendekatan semua peringkat kerajaan.

Setelah sekian lama, proses pembinaan keselamatan serantau ini telah menghasilkan persetujuan kerjasama di dalam bidang kawalan senjata nuklear; penjagaan keamanan; pembersihan periuk api; penyelarasan awam dan tentera untuk bantuan bencana; menentang keganasan termasuk keselamatan maritim, siber, dokumen dan tenaga; serta kawalan eksport teknologi dan asas senjata pemusnah.

Perbincangan

Ini juga berfungsi sebagai platform untuk perbincangan isu seperti situasi di Semenanjung Korea, Laut China Selatan, beberapa negara di selatan Pasifik, Asia Barat, Timor Leste dan Myanmar.

Sementara meneruskan usaha langkah membina keyakinan, ARF juga kini bersetuju memegang peranan dalam diplomasi pencegahan.

Salah satu langkah yang diambil ke arah ini adalah dengan

Ini adalah satu mekanisme 'ad hoc' yang dibentuk untuk tugas-tugas khusus ARF Chair "jika dan bila situasi memerlukan" termasuk ketika kecemasan, krisis dan situasi yang berkemungkinan mengganggu keselamatan dan keamanan serantau."

penubuhan 'Friend of the Chair'.

Ini adalah satu mekanisme 'ad hoc' yang dibentuk untuk tugas-tugas khusus ARF Chair "jika dan bila situasi memerlukan" termasuk ketika kecemasan, krisis dan situasi yang berkemungkinan mengganggu keselamatan dan keamanan serantau."

ARF juga akan mentauliahkan satu kajian dan susunan amalan terbaik serta pengajaran di dalam pengalaman diplomasi pencegahan oleh pertubuhan serantau dan antarabangsa lain.

Berdasarkan cara ASEAN, ARF memajukan kerjasama dengan menggalakkan tabiat berdialog, perundingan dan pembinaan konsensus.

Ini dilakukan secara berperingkat pada kadar kemajuan yang selesa bagi semua peserta.

Ini mengambil kira prinsip menghormati kedaulatan sesebuah negara dan hak semua negara untuk memimpin kewujudan nasionalnya bebas daripada campur tangan luar.

Ini menyokong penolakan ancaman penggunaan kekerasan dalam menyelesaikan sebarang

pertikaian.

Ini menggalakkan ketelusan dan pertukaran maklumat.

Ini menyokong amalan diplomasi pertahanan.

Ini memperakui saling pergantungan bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga untuk keselamatan.

Dengan masa, ARF berharap untuk mengukuhkan semua amalan dan nilai murni ini sebagai faktor yang sama penting dengan realiti strategik, seperti huru-hara dan penyebaran kuasa, dalam pembentukan kecenderungan sesebuah negara ke arah yang lebih ramah mesra, boleh bekerjasama dan bersifat pendamai.

Mempromosikan dimensi kebudayaan pengurusan keselamatan antarabangsa ini boleh menjadi kunci ke arah mengekalkan keadaan aman damai dan stabil yang dinikmati rantau Asia Pasifik kini.

Memandangkan tiada tarikan harmoni semula jadi antara negara, melainkan kuasa tidak simetri, keamanan dan situasi stabil ini amat perlu dipelihara secara

berterusan dengan penuh kesabaran.

Bagaimanapun, ARF hanya satu daripada institusi penting di rantau ini yang mempromosikan amalan kerjasama.

Usahanya dilengkapkan oleh mekanisme seperti ASEAN Campur Tiga, proses Persidangan Asia Timur dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Kebimbangan khusus daripada Perbincangan Enam Hala mengenai Semenanjung Korea, kepada Aturan Kerjasama Serantau Anti-lanun di Asia, Rondaan Laut Selat Melaka dan Rondaan Udara Maritim 'Eyes in the Sky' turut menyumbang kepada pembentukan corak hubungan kerjasama di dalam perkembangan sebuah masyarakat keselamatan.

Jika anarki adalah mengikut tafsiran sesebuah negara, maka satu sistem perhubungan antara negara boleh dihasilkan bagi menjadikan promosi kerjasama keselamatan sebagai fungsi utamanya berbanding pembentukan perikatan strategik di dalam satu sistem keselamatan bersaing tinggi.

Forum Serantau ASEAN mewakili pembentukan sistem perhubungan tersebut bukan hanya kerana persekitaran (masyarakat) strategik kini mengizinkannya, malahan juga kerana ia adalah perkara moral yang patut dilakukan.

Ini merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan ASEAN, terutamanya dalam menyambut ulang tahun ke-40 penubuhannya tahun ini.

TAHNIAH



ASEAN

Sempena





Ulang Tahun Ke-40

Daripada
Pengerusi,
Lembaga Pengarah,
Pengurusan dan Warga Kerja



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)



Sempena Hari ASEAN 2007



MUKA 27 UTUSAN MALAYSIA RABU 8 OGOS 2007

Menyelesaikan isu jerebu di ASEAN

Oleh **ADELINA KAMAL**
[Koordinator Unit Pengurusan Bencana dan Persekitaran, Sekretariat ASEAN]

MASALAH pencemaran jerebu merentasi sempadan kekal sebagai antara cabaran masalah persekitaran utama yang perlu dihadapi ASEAN pada ulang tahun ke-40 penubuhannya Ogos tahun ini.

Jerebu adalah satu masalah berulang dan kejadian jerebu (berskala besar atau kecil) boleh dijangkakan di bahagian selatan rantau ini di antara bulan Februari hingga Mac dan Julai hingga September setiap tahun.

Kebakaran dan pencemaran jerebu merentasi sempadan sangat menonjol sehinggakan pada bulan berkenaan, rencana dan kenyataan mengenai isu jerebu akan memenuhi muka hadapan akhbar tempatan, terutamanya di Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Perhatian umum terhadap isu jerebu juga boleh dilihat melalui jumlah tinggi pelawat ke laman web 'Tindakan Jerebu ASEAN Online', www.haze-online.or.id yang merekodkan lebih 37,000 pelawat daripada lebih 8,000 lokasi berbeza dari Julai hingga September 2005 sahaja.

Pada 2006, lebih 33,000 pelawat direkodkan dari lebih 5,500 lokasi berbeza dalam tempoh tiga bulan sahaja.

Jerebu di rantau ini adalah bencana buatan manusia.

Punca semula jadi hanya mewakili satu peratus daripada kebakaran yang membawa kepada kejadian jerebu.

Perpaduan dan kerjasama ASEAN telah diuji ketika semua episod jerebu ini.

Orang ramai yang beralih kepada ASEAN untuk penyelesaian telah meminta ASEAN membetulkan masalah tersebut dengan Indonesia.

Bagaimanapun, masalah jerebu ini adalah masalah serantau yang memerlukan tindakan tempatan.

Masalah ini juga merupakan hasil daripada pelbagai masalah lain.

Ia bukan hanya masalah alam sekitar, malahan mempunyai kaitan sosial dan ekonomi melibatkan isu pendapatan penduduk tempatan.

Penurunan nilai tanah gambut telah dikenal pasti sebagai satu daripada bermacam masalah yang timbul.

Masalah-masalah ini perlu diselesaikan daripada teras masalah tersebut terlebih dahulu iaitu di peringkat akar umbi.

Perlu ada tentangan terhadap kemiskinan dan tradisi buruk, terutamanya terhadap individu yang mengambil jalan mudah untuk membersihkan sesuatu kawasan sesuka hati mereka.

Masalah jerebu bukan satu masalah yang boleh 'dibetulkan'.

Ia merupakan satu masalah yang perlu 'diuruskan' dengan baik.

Oleh itu, usaha ASEAN telah ditumpukan kepada menguruskan masalah pencemaran jerebu merentasi sempadan di rantau ini.

Ia dilakukan di dalam kemampuan perhubungan tersebut dan mengikut batasan untuk ASEAN beroperasi.

Jerebu adalah salah satu masalah berulang dan kejadian (berskala besar atau kecil) boleh dijangkakan di bahagian selatan rantau ini

LEO MOGGIE
Pengerusi
TNB

Terdapat komitmen bersama sejak awal 1980an lagi untuk mengawal masalah jerebu ini.

Pelan Tindakan Jerebu Serantau yang dihasilkan pada 1997 mempunyai pendekatan fokus operasi tiga serampang; langkah pencegahan, pemantauan kebakaran dan jerebu serta pengukuhan keupayaan memadamkan kebakaran serantau.

Perjanjian ASEAN untuk Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan yang ditandatangani pada Jun 2002 telah menggunakan Pakai Pelan Tindakan 1997 itu dan telah menguatkan lagi komitmen negara anggota untuk mengawal masalah jerebu ini.

Terdapat beberapa langkah penting telah diambil untuk melaksanakan kedua-dua Pelan Tindakan dan Perjanjian tersebut serta untuk pemantauan pelaksanaannya.

Usaha juga telah dialihkan ke arah tindakan konkrit di tapak masalah itu, melibatkan komuniti tempatan yang menjadi punca masalah tersebut dan juga membawa masuk pemegang amanah lain untuk memainkan peranan masing-masing.

Satu strategi serantau untuk mengekalkan penggunaan tanah gambut juga telah dirangka dan aktiviti yang dilaksanakan untuk menghalang penurunan nilai tanah gambut yang lebih teruk serta menyokong tindakan di kawasan terbabit.

Indonesia juga telah menyasarkan untuk mengurangkan jumlah tompok panas sebanyak 50 peratus di kawasan hutan tahun ini melalui pelaksanaan pelan tindakan mereka sendiri.

Indonesia baru-baru ini menyatakan bahawa operasi pelan tindakannya untuk setengah tahun ini telah berjaya mengurangkan bilangan tompok panas sebanyak 53 peratus berbanding 2005 dan 58 peratus berbanding 2006.

Bagaimanapun, tempoh kritikal belum lagi berlalu untuk tahun ini.

Tekanan terhadap Indonesia untuk meratifikasi Perjanjian Jerebu sebelum ini juga akan meningkat jika jerebu yang lebih teruk berlaku tahun ini.

Langkah ke hadapan

Jadi, bagaimana cara berbeza yang patut kita uruskan masalah jerebu tahun ini?

Pertama, kita perlu tumpukan usaha kita pada teras masalah tersebut.

Memandangkan kebakaran gambut menjadi penyumbang utama jerebu, kita perlu mengutamakan kawalan kebakaran gambut dan menumpukan usaha kepada pemulihan kawasan yang mundur

serta menghalang kemerosotan berterusan kawasan tanah gambut.

Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN yang telah ditandatangani tahun lalu patut dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh beserta pengubalan rancangan serupa di peringkat kebangsaan dan tempatan bagi melaksanakan strategi tersebut di semua peringkat.

Pemegang amanah yang menggunakan tanah gambut ini juga perlu melibatkan diri.

Kedua, kita perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab membakar tanah gambut untuk tujuan komersial.

Tetapi, kita juga perlu menyediakan insentif dan alternatif lain untuk pendapatan golongan miskin supaya golongan ini dapat membantu melindungi dan menggunakan kawasan tanah gambut ini secara berterusan.

Ketiga, kita perlu berdepan dengan masalah jerebu ini dengan serius seperti menghadapi bencana alam lain (gempa bumi dan tsunami).

Kesan masalah ini sangat mendalam dan kerugian yang berlaku bukan hanya perlu dihadapi generasi kini dan rantau ini sahaja, malahan akan meninggalkan kesan global yang berpanjangan untuk semua.

Jika dibiarkan berterusan, mungkin juga tiada lagi kawasan tanah gambut yang asli dan segar di rantau ini kelak.

Kita tidak boleh melalui satu lagi dekad dengan 'dicekik' jerebu!

Ini bermakna 99 peratus lagi kebakaran berpunca daripada pembakaran terbuka oleh manusia untuk tujuan membersihkan tanah hutan.

Ini juga menunjukkan bahawa kawalan terhadap masalah pembakaran dan jerebu ini berada di tangan kita sendiri.

Tetapi kenapa masalah ini masih berulang?

Apa yang boleh dilakukan, apa yang telah dilakukan dan adakah ASEAN telah mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah ini?

Kebakaran dan jerebu di rantau ASEAN

Episod pembakaran hutan dan tanah rata yang terus berulang ini telah menjadi satu ciri ekologi rantau ini sejak Zaman Pleistosen lagi (13,000 tahun lalu ketika zaman ais dengan kewujudan flora dan fauna gergasi).

Ketika Zaman Ais, tempoh panjang dengan kadar hujan yang rendah di Asia Tenggara telah menyebabkan sebahagian besar rantau ini terdedah kepada ancaman kebakaran.

Terbaru, gangguan iklim yang dikenali sebagai El Nino-Southern Oscillation (ENSO) telah berulang kali membawa kepada kebakaran besar di rantau ini.

Sebanyak tujuh kebakaran besar dicatatkan di Asia Tenggara dengan banyak lagi kebakaran kecil yang berlaku setiap tahun.

Keadaan berjerebu paling teruk dicatatkan pada 1982 hingga 1983, 1987, 1991, 1994, 1997 hingga 1998 dan yang terkini pada Ogos 2005 serta ketika waktu kemarau pada 2006.

ASEAN dianggarkan mempunyai 24 juta hektar tanah gambut.

Indonesia memiliki 70 peratus daripada keseluruhan jumlah tanah gambut ini.

Kebakaran di tanah gambut telah dikenal pasti sebagai antara penyumbang utama kepada masalah jerebu yang merentasi sempadan negara di rantau ini.

Selepas tanah gambut dikeringkan, ia sangat mudah terdedah kepada kebakaran.

Terbakar

Dalam tempoh 10 tahun lalu, sebanyak 2.5 juta hektar tanah gambut di rantau ini telah terbakar dalam kejadian kebakaran besar, menghasilkan kira-kira dua hingga tiga bilion tan karbon terampai yang meliputi rantau ini di dalam satu kepulan asap tebal.

Kebakaran gambut adalah yang paling sukar dikawal kerana kebakaran berlaku di bawah permukaan tanah.

Keluasan tanah gambut, kawasan yang sukar dimasuki dan bekalan air yang terhad adalah antara cabaran logistik dalam memadamkan kebakaran gambut.

Kebakaran gambut ini bukan turut meninggalkan kesan terhadap persekitaran dan sosial rantau ini dan global.

Jika karbon di dalam tanah gambut di benua ini dibebaskan, ia akan meninggalkan kesan mendalam terhadap iklim global kerana ia bersamaan dengan pencemaran daripada 20 tahun penggunaan tenaga fosil kini.

Kehilangan biodiversiti juga sangat ketara.

Tanah gambut adalah kawasan perlindungan terakhir lebih 2,500 spesies pokok (termasuk 500 pokok perubatan) dan lebih 300 spesies ikan.

Asap yang dihasilkan daripada kebakaran gambut boleh merentasi satu juta kilometer persegi sehingga enam bulan, menyebabkan kesan buruk terhadap kesihatan berjuta orang penduduk.

Kebakaran yang berlaku telah menyebabkan penghentian penerbangan, kehilangan hari kerja dan beribu kes pesakit dimasukkan ke hospital.

Sepanjang episod jerebu dari 1997 hingga 1998, dianggarkan lebih AS\$9 bilion (RM31.28 bilion) kerugian dicatatkan sektor ekonomi dan persekitaran.

TAHNIAH



asean



BRUNEI



MALAYSIA




THAILAND



INDONESIA



SINGAPURA



LAOS



FILIPINA



CAMBODIA



MYANMAR



VIETNAM

Sempena Ulang Tahun Ke-40

Daripada



**TENAGA
NASIONAL BERHAD**
(200866-W)

PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA

TENAGA NASIONAL BERHAD Ibu Pejabat, No. 129, Jalan Bangsar,
59200 Kuala Lumpur. Tel: 603-22965566 Faks: 603-22823274

<http://www.tnb.com.my>

TAHNIAH



asean




MALAYSIA



INDONESIA






Sempena

Ulang Tahun Ke-40

Daripada



CIMB GROUP